


10 REKOD DUNIA YANG DIPEGANG DI MALAYSIA



PENGENALAN

"Tiada apa yang mustahil", itulah ungkapan yang paling tepat menggambarkan kejayaan sebahagian rakyat Malaysia yang berjaya menempa nama di peringkat antarabangsa. Jom semak 10 pemegang rekod dunia yang datangnya dari Malaysia.

HOTEL PALING BESAR DI DUNIA



Pada tahun 2015, First World Hotel di Genting Highlands telah dinobatkan sebagai hotel paling besar di dunia sekali lagi oleh Guinness World Records dengan jumlah bilik sebanyak 7,351.

PEMAIN SKUASY WANITA TERHEBAT DI DUNIA

ASIAN GAMES

Dia memegang rekod sebagai pemain squash nombor satu dunia selama 109 bulan bermula 2006 hingga 2015.

TEBUK KELAPA TERPANTAS MENGUNAKAN JARI

Master Kung Fu, Ho Eng Hui yang berumur 55 tahun dari Johor telah memecah rekodnya sendiri dengan menebuk 4 kelapa dalam masa 12.15 saat menggunakan hanya jari tengahnya pada 21 April 2011 di Milan, Itali.

MANUSIA TERPANTAS DENGAN BOLA SEPAK DI ATAS KEPALA



Pada 20 Mac 2010, Low Yee Ming yang berusia 19 tahun menjadi manusia terpantas untuk berlari sejauh 1.6km sambil mengimbangi bola sepak di atas kepalanya. Beliau cuma memerlukan masa selama 8 minit 35 saat untuk menamatkan pencapaian berkenaan.

JURUTERBANG TERMUDA TERBANG SECARA SOLO MENGELILINGI DUNIA DALAM TEMPOH MASA TERPANTAS



Kapten James Anthony Tan yang berumur 21 tahun ketika itu merupakan juruterbang termuda untuk membuat penerbangan mengelilingi dunia secara solo pada tahun 2013, selepas beliau berjaya terbang ke 21 negara menamatkan 40,000km dalam 50 hari menggunakan pesawat Cessna 210 Eagle yang kecil dan mempunyai enjin tunggal.

PUKULAN BULU TANGKIS TERPANTAS DALAM SUKAN BADMINTON

Bintang badminton negara, Tan Boon Heong telah secara tidak rasmi memecah rekod dunianya sendiri iaitu rekod kelajuan smash 421km/jam menggunakan "Yonex Arcsaber Z-Slash" di Tokyo, Japan pada 26 September 2009.



SELFIE PALING BANYAK DIAMBIL DI DUNIA DALAM MASA SEJAM

59:06

Hazwan Noor yang berusia 20 tahun memegang rekod selfie paling banyak diambil dalam masa sejam. Kiraan tidak rasmi jumlah foto selfie yang berjaya diambil ialah sebanyak 656 namun hanya 613 yang diterima.



UTeM

اوتيمر سيني تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Perpustakaan
Laman Hikmah
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PEMBERSIHAN DASAR LAUT PALING PANJANG



UTeM

اوتيمر سي تي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Perpustakaan
Laman Hikmah
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Pada 6 sehingga 13 April 2013, Astro Kasih mencipta sejarah dengan mencipta sebuah Guinness World Record baru untuk pembersihan dasar laut terpanjang selama lebih 168 jam secara berterusan dicatat oleh seramai 140 penyelam sukarelawan. .

MESIN KAPSUL LAYAN DIRI PALING BESAR DI DUNIA



Berjaya Times Square telah berjaya memegang pencapaian rekod dengan membina mesin kapsul layan diri terbesar di dunia pada tahun 2013. Kapsul mesin layan diri tersebut dibuat dalam tempoh masa lebih 6 bulan dengan ketinggian 32 kaki 3 inci atau 9.82 meter dan berat anggaran 3,500 kg.

PERARAKAN BOT TERBESAR DI TERENGGANU

Pada 13 September 2015, perarakan bot secara besar-besaran melibatkan sebanyak 1,180 bot bertempat di Kemaman, Terengganu diumumkan sebagai perarakan bot terbesar di dunia.

KESIMPULAN

"Malaysia telah mencatatkan sejarah gemilang dengan memegang pelbagai rekod dunia yang membanggakan, mencerminkan daya kreativiti, semangat juang, dan inovasi yang tiada tandingan di kalangan rakyatnya. Dari bidang sukan, seni, hingga teknologi, Malaysia terus berjaya menonjol di pentas dunia dengan pencapaian yang luar biasa. Malaysia berjaya memecahkan rekod dunia dalam pelbagai yang tidak hanya mengukuhkan nama negara di peringkat antarabangsa, tetapi juga memperlihatkan kesungguhan rakyat Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek kehidupan."

SUMBER

<https://iluminasi.com/bm/10-rekod-dunia-yang-dipegang-rakyat-malaysia.html>

[https://beritaup2date.blogspot.com/2021/09/16-rekod-dunia-guinness-yang-dipegang.html?
m=1](https://beritaup2date.blogspot.com/2021/09/16-rekod-dunia-guinness-yang-dipegang.html?m=1)